



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	: KOSMO		
TARIKH	: 15/8/2018	MUKA SURAT	: 22
JABATAN	: PERHILITAN		
KLASIFIKASI	: PERHATIAN		

RENCANA UTAMA

TAMAN buaya Teluk Sengat Crocodile Farm Sdn. Bhd., ini terletak di Kota Tinggi, Johor.

Jaga 1,000 ekor buaya tembaga

Siew Hiah yang tidak pernah sukakan buaya kini menjadi pemilik Teluk Sengat Crocodile Farm Sdn. Bhd. yang diwarisi oleh bapanya sejak tahun 1920.

SUASANA di Teluk Sengat Crocodile Farm Sdn. Bhd., atau taman buaya yang terletak di Kota Tinggi, Johor pada waktu petang itu tenang seperti biasa.

Sekitar pukul 4 petang, sebuah bas berwarna hijau putih menuju ke pekarangan pintu masuk taman buaya yang dikelilingi ladang sawit itu.

Sebaik sahaja pemandu bas mematikan enjin, suasana bising memecah kesunyian ketika pengunjung melangkah masuk ke ruang utama taman buaya itu.

Ng Siew Hiah yang menyambut kehadiran pengunjung tempatan seramai 40 orang itu terus meletakkan seekor anak buaya berukuran kira-kira 1.5 meter yang dipikulnya di atas sebuah meja tanpa rasa takut.

"Jangan takut. Dia (buaya) tidak

boleh gigit kerana saya sudah ikat mulutnya dan tiada masalah kerana ia masih kecil.

"Buaya ini jinak. Baru berusia dua tahun dan saya hanya bagi minum susu," kata pemilik taman buaya itu sambil memberikan penerangan ringkas mengenai syarat dan peraturan semasa berada dalam kawasan tersebut.

Katanya, para pengunjung tidak perlu risau kerana taman itu lengkap dengan ciri-ciri keselamatan seperti tempat berjalan kaki yang beratap dan berpagar serta televisyen litar tertutup (CCTV).

Wanita berusia 52 tahun itu menambah, pengunjung boleh melihat buaya daripada jarak 30 meter dari pagar dan jangan sesekali menghulur tangan jika tiada makanan mahu diberi.

Taman seluas 10 hektar yang diusahakan sejak tahun 1920 oleh bapa dan datuknya itu kini mempunyai 1,000 ekor buaya tembaga.

Pengalaman

Menurut Siew Hiah, taman buaya itu dibuka kepada orang ramai sejak lapan tahun lalu.

"Pada zaman datuk dan bapa saya lagi mereka sudah membela buaya tembaga kerana di Johor hanya terdapat spesies tembaga. Namun, taman itu tidak dibuka kepada orang ramai pada masa itu.

"Ini kerana semasa di bawah penjagaan mereka, sistem keselamatan kurang di perketatkan. Hanya pagar dan kolam yang ada," ujar anak kelapan daripada sembilan orang adik-beradik itu.

Menceritakan pengalaman berjinak-jinak dengan buaya, wanita

itu menjelaskan, pada awalnya dia tidak pernah terfikir untuk meneruskan legasi keluarganya tersebut.

Segala-galanya berubah selepas kematian bapanya enam tahun lalu.

Siew Hiah yang tidak menyukai buaya terpaksa memberanikan diri untuk mengenali dan memahami haiwan pemangsa itu setelah diberi tanggungjawab menguruskan taman tersebut.

"Sebenarnya, saya tidak pernah sukakan buaya. Saya tidak pernah sekalipun masuk ke dalam taman ini apatah lagi memegangnya kerana pada masa itu abang yang banyak membantu bapa," tuturnya.

Walaupun pada awalnya Siew Hiah tidak suka pada buaya-buaya peliharaan bapanya itu, dia tetap akur kerana hanya dia yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan taman buaya tersebut.

Jelas wanita berketegangan 151 meter itu, pengalaman pertama memberanikan diri turun ke kolam buaya adalah satu cabaran yang sangat sukar.

Perasaan takut bercampur sedih tidak dihiraukan ketika itu demi memikirkan wasiat yang telah diamanahkan oleh bapanya.

Dalam pada itu, Siew Hiah memberitahu, sebelum bapanya menghembuskan nafas terakhir, dia meletakkan beberapa syarat agar penambahbaikan dibuat pada taman buaya tersebut.

"Pada masa itu, saya memberitahu bapa agar digantikan jambatan pejalan kaki lama dengan dua jambatan lebih kukuh dan dipasang bumbung untuk berteduh jika mahu saya menguruskan taman ini.

TAMAN buaya seluas 10 hektar ini diusahakan sejak tahun 1920.

BUAYA di taman ini ada yang berusia 160 tahun.

SIEW HIAH menunjukkan anak buaya yang berusia dua tahun kepada para pengunjung.





KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	15/8/2018	MUKA SURAT	:	23
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			



"Jalan tanah merah pula perlu disimen agar tidak lecek ketika hujan manakala kawasan kosong dibina petak kolam. Yang peliknya, bapa akur saja dengan permintaan saya," katanya yang dibantu tujuh orang pekerja itu.

Menurut Siew Hiah, dia banyak belajar cara-cara menguruskan buaya dengan pekerja lama bapanya iaitu **Mohd. Dul Endau**.

Siew Hiah mengakui, tanpa tunjuk ajar Mohd. Dul atau dikenali sebagai Pak Mat, dia tidak akan pandai menguruskan buaya seperti hari ini.

Katanya, Pak Mat banyak mengajarnya untuk memahami dan mengenali buaya. Antaranya melihat mata buaya untuk kesihatan, waktu sesuai untuk mengambil anak-anaknya dan cara pemakanan.

Siew Hiah berjaya

menguruskan taman itu dan kini dia mempunyai sebuah kolam seluas 12,140.6 meter persegi, 81 kolam simen dan lapan kolam pembiakan.

Lebih menarik, buaya-buaya yang cacat seperti dilahirkan tanpa ekor, mulut sumbing dan tiada kaki depan diasingkan bagi mengelakkan mereka daripada dimakan oleh buaya yang normal.

"Pada awal saya mengambil alih taman ini, buaya-buaya itu hanya 300 ekor tetapi kini semakin bertambah. Malah, ada antara buaya di sini berumur 160 tahun," tuturnya.

Ujarnya, buaya-buaya dewasa di taman tersebut telah dipasangkan mikrochip sebagai pengenalan diri selain mudah dikesan jika terlepas.

"Jika buaya ini mati, mikrochip itu akan

dikeluarkan untuk bukti kematiannya," jelasnya.

Cerita Siew Hiah lagi, taman buaya itu kini dikunjungi pelancong-pelancong tempatan dan luar negara.

Sementara itu, menyentuh tentang cara-cara penjagaan buaya, Pak Mat berkata, buaya-buaya tersebut diberi makan dengan mencampakkan seekor demi seekor ayam.

Disambar

"Sebanyak 50 ekor ayam diberikan setiap kali waktu makan dan perkara penting adalah perlu berhati-hati kerana mereka suka menyambar. Saya juga pernah disambar tangan ketika beri makanan tetapi nasib baik sempat mengelak.

"Kami hanya beri sekali seminggu tetapi ada buaya yang berumur 50 tahun ke atas sudah kurang makan dan mampu bertahan selama enam bulan jika tidak diberi makanan," jelasnya.

Katanya, lebih 900 kilogram ayam dibeli untuk bekalan sebulan kepada buaya-buaya tersebut.

Selain itu, buaya merupakan haiwan yang tidak mudah dijangkiti penyakit.

Malah, jika mereka bergaduh sesama sendiri dalam air, anggota badan yang tercedera akan segera sembuh melainkan bergaduh di daratan, ia boleh mengakibatkan kematian.

Oleh sebab itu, usia mereka panjang dan



TELUR dan anak buaya diambil serta diletakkan di dalam kolam khas untuk membesar dengan selamat.

selalunya mati kerana tua atau dipanah petir sahaja.

Seorang pengunjung, **Muhammad Nabil Saifuddin** berkata, jumlah buaya yang mencecah ribuan di taman itu menarik minat saya untuk datang.

"Sebaik mendengar jumlah buaya yang terlalu banyak, saya berasa gerun untuk datang. "Namun, perasaan takut itu lenyap selepas saya mendapat tahu pihak pengurusan menekankan ciri-ciri keselamatan kepada pengunjung.

Jelasnya, taman itu sangat menarik kerana pengunjung bukan sahaja datang melihat buaya tetapi pekerja-pekerja banyak berkongsi sejarah dan perwatakan buaya.

"Ilmu yang saya dapat adalah buaya ini mempunyai lidah dan jari serta kaki depan ada empat manakala belakang ada lima," ujarnya.



MOHD. DUL



RANGKA buaya yang telah mati diletakkan di dalam kedai untuk dijual kepada pengunjung.



TAMAN replika buaya yang terdapat di depan pintu masuk ladang ini berjaya menarik minat pengunjung.

INFO

Teluk Sengat Crocodile Farm Sdn. Bhd.

- Alamat: 30, Jalan Siakap, Teluk Sengat Kota Tinggi, Johor
- Keluasan: 10 hektar
- Jumlah buaya: 1,500 ekor
- Waktu operasi: 9 pagi hingga 10 malam
- Ditubuhkan: Pada tahun 1920
- Yuran kemasukan: RM4 (kanak-kanak) dan RM8 (dewasa)
- Facebook: Teluk Sengat Crocodile World
- Telefon: 018-952 7271

Timba ilmu sebelum urus reptilia

TIDAK semua orang berani untuk bermain dengan haiwan pemangsa kecuali mereka yang memiliki ilmu pengurusan mantap.

Malah, pembukaan taman buaya merupakan satu inisiatif yang harus dipuji dan perlu diberi perhatian sewajarnya oleh kerajaan mahupun orang awam.

Pengarah Zoologi dan Veterinar Zoo Negara, **Dr. Mat Naim Ramli** berkata, raja haiwan spesies reptilia yang wujud sejak beratus tahun lalu



MAT NAIM

itu sememangnya perlu dipelihara kerana banyak yang telah pupus.

"Buaya merupakan spesies haiwan pemangsa yang ganas tetapi tidak mustahil ia boleh dijinakkan jika kena dengan caranya.

"Orang yang bermain dengan buaya ini memang hatinya kental. Begitupun, dia perlu sentiasa berada

dalam keadaan berjaga-jaga selain mempunyai ilmu tentang penjagaan buaya," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Mat Naim menambah,

pihak zoologi sememangnya menyediakan kursus kepada individu yang berminat untuk mengetahui tentang cara-cara pengendalian haiwan pemangsa itu.

"Dalam kursus itu, kami akan ajar cara-cara penyediaan kolam, mengenali tingkah laku buaya, tempoh mengawan, perubatan, telur dan keselamatan diri.

"Setiap pengusaha atau penternak buaya wajib belajar mengenali dan memahami buaya ini untuk keselamatan serta pengurusan teratur," ujarnya.

Dalam-pada itu, Mat Naim

menjelaskan, selain perniagaan, pembukaan pusat taman buaya harus diselarasakan dengan pendidikan oleh pengusaha-pengusaha tersebut.

"Buaya ini semakin hampir mengalami kepupusan. Jadi, selain menjana pendapatan, seelok-eloknya mereka menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan pengunjung seperti kepentingan memelihara buaya.

"Ia bertujuan untuk memberi manfaat kepada orang ramai mengetahui asal usul dan agar generasi akan datang sempat melihat buaya ini," jelasnya.